

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10372

SOALAN :

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status terkini Program MyDaftar, berapa permohonan diterima, yang diluluskan dan ditolak dan apakah usaha tambahan yang diperkenalkan bagi membantu mereka yang betul-betul layak tetapi gagal miliki kad pengenalan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program MyDaftar 2017 melibatkan 23 buah pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah dilaksanakan dari 5 hingga 22 Jun 2017. JPN telah menerima sebanyak 367 permohonan lengkap merangkumi 91 urusan dokumen kelahiran, kematian dan anak angkat, 51 urusan kad pengenalan, 223 urusan kewarganegaraan dan 2 urusan perkahwinan. Manakala sebanyak 701 permohonan tidak lengkap dan 1,338 urusan melibatkan pertanyaan dan khidmat nasihat.

JPN telah mengambil langkah proaktif terutamanya dalam memastikan pendaftaran dapat dilaksanakan dengan mudah oleh semua kaum dan lapisan masyarakat, khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau golongan yang berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU) melalui:

- (i) **Program Outreach;**
- (ii) **Unit Mobile;**
- (iii) **Bas Mobile; dan**
- (iv) **kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

4

Soalan (23)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

SOALAN :-

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk menambah baik Program Perumahan Rakyat (PPR) yang menggunakan konsep sewa dan beli terutamanya di Bintulu yang mempunyai permintaan yang tinggi; dan
- (b) adakah Kementerian akan berbincang dengan Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) untuk mengatasi masalah kekurangan unit PPR memandangkan pemohon sering kali dimaklumkan untuk daftar dan tunggu sehingga makluman seterusnya yang kadang kala ambil masa bertahun-tahun.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Sewa untuk Dimiliki atau *Rent to Own* (RtO) untuk Program Perumahan Rakyat (PPR), merupakan skim pembiayaan mudah yang ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

Di Sarawak secara amnya Kementerian telah menyiapkan 6 projek PPR yang merangkumi 3,521 unit. Daripada jumlah tersebut, 5 projek adalah PPR Disewa termasuk PPR Kemenia di Bintulu (1,000 unit) yang telah siap pada tahun 2013 manakala hanya 1 projek adalah PPR Dimiliki (dijual) yang diuruskan oleh Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) secara konvensional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, beberapa penambahbaikan telah dibuat terhadap PPR seperti berikut:

(i) Kementerian tidak lagi membina rumah yang boleh membebankan penghuni seperti pangsa lima tingkat

- dengan memberi fokus kepada rumah berbilang tingkat dengan kemudahan lif atau jenis atas tanah (*landed*);
- (ii) keluasan unit rumah PPR telah ditambahbaik daripada 650kps kepada 700kps bagi unit biasa dan dilengkapi dengan 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang tamu, dapur dan langkan (yard);
- (iii) Elemen kemasan lantai telah ditukar dari jenis lepaan simen (*cement render*) kepada kemasan jubin bagi keseluruhan lantai rumah;
- (iv) Penambahbaikan dalam kaedah pembinaan dengan penggunaan teknologi *Industrialised Building System* (IBS);
- (v) rekabentuk bangunan yang dahulunya berbentuk konvensional turut diberi nafas baru kepada jenis moden selain penonjolan imej baru perumahan PPR ini melalui penggunaan skim warna korporat iaitu Merah, Biru dan Putih;
- (vi) ciri-ciri keselamatan rumah PPR ini juga tidak diabaikan selepas kementerian mengambil kira kejadian gempa bumi yang berlaku di sesetengah kawasan, maka Kementerian telah memasukkan faktor *SEISMIC* ke

- dalam rekabentuk bagi mengurangkan impak gegaran, terutamanya ke atas struktur bangunan;
- (vii) penyediaan kemudahan awam seperti dewan, surau, tadika/taska, taman permainan serta kedai dan gerai yang dibina didalam kawasan PPR;
- (viii) tempat letak kereta bagi rumah berbilang tingkat dengan nisbah 1 unit rumah kepada 1 unit tempat letak kereta serta 20% tempat letak kereta pelawat berbanding PPR terdahulu yang hanya memperuntukkan 1 tempat letak kereta bagi kegunaan 4 unit rumah;
- (ix) sistem penggunaan lif diberi penambahbaikan dengan penggunaan kad akses;
- (x) pemasangan alat perangkap nyamuk solar untuk membendung penyakit-penyakit bawaan nyamuk; dan
- (xi) penghuni PPR juga akan diberi peluang menikmati kemudahan jalur lebar bagi kemudahan internet.
- (b) Kementerian juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) berkaitan pelaksanaan projek-projek PPR di samping membantu pihak negeri dalam membuat pengisian PPR yang telah dibangunkan oleh Kementerian.